



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 02/2024



NISFU SYABAAN

23 FEBRUARI 2024/13 SYAABAN 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.

مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Malam esok, hari Sabtu malam Ahad adalah malam Nisfu Syabaan. Marilah kita beramai-ramai ke masjid untuk menghidupkan malam tersebut dengan



memperbanyakkan amal ibadat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Ahzab ayat 41,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا ﴿٤٢﴾

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya dan bertasbihlah kepadaNya pada setiap pagi dan petang”.

Malam Nisfu Syabaan banyak kelebihanNya sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam dalam hadis riwayat Ibnu Hibban:

يَطَّلِعُ اللَّهُ إِلَى خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لْجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ

مُشَاحِنٍ

Yang bermaksud: “Allah Subhanahu wa Ta'ala melihat makhluk-Nya pada malam nisfu Sya'ban kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan”.

Para ulama mujtahid amat mengambil berat dengan malam Nisfu Syabaan. Imam al-Syafi'i berkata tentang kelebihan malam Nisfu Syabaan:

“Telah sampai kepada kami bahwa doa akan dimakbulkan pada lima malam, iaitu malam Jum'at, malam hari raya Idul Adha, malam hari raya Idul Fitri, awal malam di bulan Rejab dan malam Nisfu Sya'ban.”

Syeikh al-Islam IbnTaimiyah, turut juga menggalakkan atau menghidupkan malam Nisfu Sya'ban dengan memperbanyakkan ibadah dengan katanya,



“Apabila seseorang yang memperbanyakkan ibadah dengan menunaikan solat-solat sunat pada malam Nisfu Sya’ban, bersendirian atau berjemaah sebagaimana amalan kaum salaf, maka amalan itu adalah baik.”

Ibn Rajab al-Hanbali pula berkata:

“Malam Nisfu Sya’ban, para Tabi’in dari penduduk Syam mengagungkannya dan bersungguh-sungguh menunaikan ibadah pada malam tersebut. Mereka mendirikan solat-solat sunat di dalam Masjid pada malam Nisfu Sya’ban.”

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala,

Oleh itu, marilah kita bersama-sama merebut peluang untuk menghidupkan malam Nisfu Syabaan supaya kita memperolehi kelebihan dan pahala yang banyak. Lakukan apa sahaja amalan kebaikan yang kita mampu seperti memperbanyakkan doa, memohon keampunan kepada Allah Subhanahu wa-Ta’ala, memperbanyakkan zikir, membaca al-Quran dan menambahkan solat-solat sunat lebih daripada malam-malam lain.

Marilah kita bersama-sama datang solat maghrib berjemaah di masjid dan bersama-sama ahli jemaah untuk membaca surah Yasin tiga kali kerana ia termasuk dalam amalan menghidupkan malam Nisfu Syabaan sebagaimana amalan yang dilakukan di tempat kita dan kebanyakan negara Islam yang lain. Pihak masjid hendaklah menganjurkan amalan ini kepada ahli jemaah sebagai usaha menghidupkan malam Nisfu Syabaan.

Malam Nisfu Syabaan termasuk malam-malam yang dimakbulkan doa bagi sesiapa yang berdoa. Manakala orang yang bertaubat dan memohon keampunan akan diampun oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala segala dosanya kecuali dosa syirik dan orang yang bermusuhan. Tinggalkan seketika kepentingan dunia dan keseronokan



hidup kita dengan menghidupkan malam yang penuh keberkatan ini. Jika diabaikan dibimbangi kita termasuk dalam golongan yang rugi di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Ingatlah kelebihan utama malam Nisfu Syabaan ialah Allah akan mengampun semua dosa kecuali syirik dan orang yang bermusuhan. Ini merupakan satu peringatan kepada kita semua agar menjauhi perbuatan yang mendedahkan kepada syirik dan permusuhan. Orang yang bermusuhan tidak akan mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Muslim,

Yang bermaksud: “Sesungguhnya dibuka pintu-pintu syurga pada hari Isnin dan Khamis maka diampunkan setiap hamba yang tidak syirik kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan sesuatu kecuali bagi orang yang antara dia dan saudaranya saling bermusuhan. Lalu dikatakan: Tangguhkanlah dua orang ini sehingga mereka berdamai, tangguhkanlah dua orang ini sehingga mereka berdamai, tangguhkanlah dua orang ini sehingga mereka berdamai”.

Jauhilah semua sifat, perbuatan dan kata-kata yang membawa kepada permusuhan kerana sifat keji ini adalah dosa yang menghalang kita semua mendapat keampunan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Jangan biarkan diri kita terperangkap dalam jerat permusuhan dan kebencian dalam keluarga, kejiranan dan masyarakat kerana sebab-sebab harta, pangkat dan kuasa politik. Jadikan kedatangan Nisfu Syabaan sebagai peluang untuk kita menambahkan pahala dan memupuk kasih sayang sesama umat Islam. Nabi Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

لَا تَبَاغَضُوا وَلَا تَحَاسَدُوا وَلَا تَدَابَرُوا وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا



Yang bermaksud: “*Janganlah saling memarahi, saling mendengki, saling membelakangi. Jadilah kalian hamba-hamba Allah Subhanahu wa Ta'ala yang bersaudara*”.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ

سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

Yang bermaksud: “*Wahai orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan “Taubat Nasuha”, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai,*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

لِي وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ

الرَّحِيمِ